



---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**15 JULAI 2020 (RABU)**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHRAL PENGGUNA

---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(KPDNHEP)**

---

---

**15 JULAI 2020 (RABU)**

KEMENTERIAN PERDAGANGAN  
DALAM NEGERI DAN HAL-DAYAL PENGUJIAN

**KEMPEN BELI  
BARANGAN  
MALAYSIA  
2020**  
#barangbaikbarangkita

*Ayuh Sokong & Beli*

Produk Malaysia hebat,  
setaraf jenama antarabangsa

BUATAN MALAYSIA  
#barangbaikbarangkita

www.kpdnhep.gov.my   mykpdnhep  
@mykpdnhep   kpdnhep



## KPDNHEP rampas barangan tiruan bernilai RM97,620

**KUALA TERENGGANU** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Terengganu merampas pelbagai barangan tiruan berjenama popular bernilai RM97,620 dalam Ops Barang Tiruan di sini kelmarin.

Dalam tiga serbuan berasingan dilakukan serentak pada jam 12.30 tengah hari di Kuala Terengganu dan Marang bersama wakil cap dagang itu, KPDNHEP Terengganu turut menahan dua lelaki dan empat wanita yang

menjual barangan tiruan berkenaan.

Pengarah KPDNHEP Terengganu, Saharuddin Mohd Kia berkata, kesemua barangan iaitu 821 pasang kasut, stokin (3,120), tali pinggang (46), dompet (enam), baju (enam), selipar (lima) dan sebuah beg tangan wanita dijumpai tersimpan dalam stor simpanan.

"Kita dapati dua premis ini menjalankan operasi perniagaan secara dalam talian sejak enam bulan lalu," katanya di Stor Eksibit Chendering di sini semalam.